



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/01/26 (HQ)

### JOHOR TERIMA BEKALAN SEPENUHNYA DARI GRID

- Hanya tujuh pencawang TNB ditutup di Pahang

Pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di seluruh negeri Johor mendapat bekalan sepenuhnya dari grid berikutan keadaan banjir yang semakin surut di negeri itu.

TNB juga telah menutup bilik gerakan negeri Johor bermula semalam berikutan penutupan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di negeri itu.

Semua pencawang elektrik di Johor yang sebelum ini terjejas akibat banjir kini telah dipulihkan sepenuhnya oleh TNB.

Dalam pada itu, sebanyak tujuh pencawang elektrik di negeri Pahang dihenti tugas sementara setakat jam 2 petang hari ini, melibatkan 417 pengguna di daerah Pekan, Temerloh dan Bera. Enam pencawang mendapat bekalan melalui set janakuasa bergerak.

TNB turut memberi bekalan melalui set janakuasa mudah alih kepada satu pusat pemindahan sementara yang tidak menerima bekalan daripada pencawang.

Penutupan pencawang elektrik ketika banjir dilakukan demi keselamatan pengguna dan TNB sentiasa berusaha memulihkan bekalan dengan mengambil kira aspek keselamatan pengguna dan pekerja TNB.

Bilik gerakan TNB di Pahang masih beroperasi untuk tujuan pemantauan selain bagi menyampaikan maklumat berkaitan bekalan.

Pengguna di kawasan banjir dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa sekiranya diminta berpindah dan menghubungi TNB Careline di talian 15454 jika ada pepasangan TNB, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mahupun Jabatan Kerja Raya (JKR) yang beralih atau tumbang.

Sentiasa jauhkan diri daripada menghampiri tiang elektrik, pepasangan elektrik dan kabel elektrik- termasuk yang bersalut dengan penebat yang ditenggelami air. Semua ini mungkin masih mempunyai arus bekalan elektrik dan boleh menyebabkan risiko renjatan.

S.A. 2021/01/26 (HQ)

Orang ramai juga dinasihatkan agar berhati-hati ketika menggunakan peralatan elektrik jika premis mereka dinaiki air. Elakkan menyentuh alat elektrik atau suis dengan tangan yang basah dan lembap kerana ia boleh menyebabkan renjatan elektrik.

Setelah banjir surut, pengguna disaran untuk mendapatkan khidmat kontraktor pendawaian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bagi memeriksa pendawaian di dalam premis mereka yang dinaiki air.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Januari 2021, jam 6:30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Anggota kerja TNB Kuala Lumpur Timur dan Bangsar melakukan kerja-kerja mula tugas pencawang elektrik di Kampung Rengai di daerah Kuala Lipis, Pahang setelah dipastikan selamat untuk beroperasi.